

YKP anjur Peraduan Menulis Esei 2010

Mencabar mahasiswa berfikiran kritis

EKONOMI berpendapatan tinggi, tahap persaingan Malaysia di peringkat global serta Wawasan 2020 merupakan topik utama yang perlu dihujahkan untuk menyertai Peraduan Menulis Esei 2010 Memupuk Kepimpinan Pemimpin Masa Hadapan, anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP).

Bertemakan Malaysia di Dunia Globalisasi, ini merupakan kali ketiga pihak YKP menganjurkan pertandingan esei bagi generasi muda di Malaysia yang berumur 18 hingga 25 tahun.

Tahun ini, YKP berganding bahu bersama Kumpulan MPH untuk menganjurkan program ini dengan sokongan Kementerian Pengajian Tinggi. Tarikh tutup pertandingan ialah pada 30 September 2010.

Pada pertandingan esei 2006/2007, Mohd. Haizal Zainuddin dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah memenangi Hadiah Utama bagi peringkat pengajian tinggi manakala pada 2008/2009, Khairul Fikrie Ahmad Zubaidie, juga dari UKM muncul pemenang utama.

Pemenang utama pertandingan tahun ini akan membawa pulang wang tunai RM7,000, sebuah komputer Netbook, sebuah e-Reader serta baucar buku MPH bernilai RM500.

Pemenang Hadiah Utama akan turut memenangi kelengkapan komputer dan buku-buku bernilai RM500 untuk kolej atau universiti masing-masing, manakala institusi pengajian tinggi yang menghantar penyertaan terbanyak juga berpeluang memenangi kelengkapan komputer.

Pemenang Hadiah Utama yang bukan dari mana-mana kolej atau universiti atau menuntut di luar negara berpeluang menghadihkan kelengkapan komputer tersebut ke mana-mana sekolah, kolej atau universiti di Malaysia yang mereka pilih.

"Kami ingin mendengar pandangan generasi muda Malaysia mengenai isu-isu semasa yang penting di negara kita, kerana merekalah yang akan menyandang kepimpinan negara tidak lama lagi.

"Kami menggalakkan para mahasiswa untuk menjalankan kajian terperinci sebelum membentangkan hujah-hujah mereka serta menampilkan penulisan yang mantap," kata Pengarah Eksekutif YKP, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob.

Setiap esei akan melalui proses pemilihan dan diteliti sekurang-kurangnya oleh dua hakim sebelum disenaraikan pendek.

Penyertaan yang terpilih untuk peringkat akhir akan dinilai oleh tiga hakim panel utama iaitu Prof. Emeritus



TUN Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali serta Pengerusi, Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana, Tan Sri Azman Hashim beramah mesra dengan pemenang-pemenang utama Peraduan Menulis Esei 2008/2009.



MOHD. Haizal Zainuddin, pemenang Hadiah Utama Peraduan Menulis Esei 2006/2007 membawa pulang sebuah Proton Savvy.

tus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim (Ketua Hakim), Tan Sri Mohamed Hashim Ahmad Makaruddin dan Datuk Hardev Kaur.

Untuk menyertai pertandingan ini, mahasiswa dan mahasiswi boleh menulis esei tidak melebihi 2,000 patah perkataan dalam Bahasa Melayu atau

Bahasa Inggeris. Bagaimanapun, Bahasa Inggeris diberi keutamaan.

Sepanjang penganjuran Peraduan Menulis Esei 2010, pihak YKP beker-

Peserta pertandingan menulis esei boleh menghantar penyertaan mereka melalui laman web rasmi www.PerdanaEssayCompetition.com.my, melalui e-mel kepada essay2010@perdana.org.my atau melalui pos ke Sekretariat Esei 2010, Yayasan Kepimpinan Perdana, No. 1, Jalan P8H, Presint 8, 62250, Putrajaya, Wilayah Persekutuan. Peserta boleh juga menggunakan kotak penyertaan yang terdapat di MPH.

Peserta boleh memilih salah satu daripada tajuk-tajuk berikut:

- Tahap persaingan global Malaysia telah menurun ke tangga ke-24 dalam tahun 2009-2010. Apakah yang anda fahami mengenai persaingan global dan apakah yang harus Malaysia lakukan untuk meningkatkan tahap persaingannya?
- Di dalam Bajet yang terkini, Perdana Menteri telah menasaskan Malaysia untuk menjadi sebuah negara ekonomi berpendapatan tinggi. Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri utama yang perlu dimiliki oleh Malaysia bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi?
- Tahun 2020 akan menjelang. Bandingkan kedudukan semasa Malaysia dengan aspirasi Wawasan 2020 dan pastikan jurang-jurang yang kritikal yang mesti diberi perhatian bagi negara mencapai sasaran Wawasan 2020 tersebut.

Aktiviti bengkel

- 5 September 2010 di MPH One Utama, bengkel penulisan yang ketiga akan diadakan. Bengkel tersebut akan menampilkan personaliti muda dalam bidang penulisan dan kewartawanan seperti Alexandra Wong, Daniel Chandranayagam dan Amir Muhammad.
- Siri Forum Pertandingan Menulis Esei Malaysia di Dunia Globalisasi pada 21 September 2010 di Universiti Putra Malaysia dan pada 24 September 2010 di Kolej Universiti Sunway. Maklumat lanjut boleh didapati di laman web pertandingan, www.perdanaEssayCompetition.com.my.

jasama dengan beberapa institusi akademik untuk menganjurkan Forum Peraduan Menulis Esei Malaysia di Dunia Globalisasi dan bengkel penulisan bersama MPH yang menampilkan penulis-penulis Malaysia serta tokoh-tokoh akademik dan kewartawanan negara.

Antaranya, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim, Datuk A. Kadir Jasin, Prof. Dr. Ahmad Murad Merican, Dina Zaman, Lydia Teh serta Amir Muhammad.

Forum ini bagi membincangkan isu-isu globalisasi manakala bengkel mengutarakan teknik-teknik penulisan serta penyelidikan.

YKP ditubuhkan pada 2003 dan merupakan organisasi bukan kerajaan yang bertujuan memelihara sejarah kepimpinan Malaysia serta menerangkan polisi-polisi, strategi dan sumbangan bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia.

Pihak Yayasan mengarkibkan,

mendokumentasi dan menyebarkan bahan-bahan berkaitan dengan warisan khazanah intelektual negara. Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan Presiden Kehormat Yayasan.

Maklumat lanjut peraduan boleh didapati di laman web www.PerdanaEssayCompetition.com.my, melalui e-mel essay2010@perdana.org.my atau melalui portal MPH Bookstores di <http://www.mphclicks.com>. DRB-Hicom ialah penaja rasmi manakala Utusan Melayu Berhad ialah media rasmi untuk peraduan esei ini.